

Memandangkan petak yang dimaksudkan adalah di Blok 5A, Presint 9, ianya adalah di apartmen kuarters. Oleh itu, Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM akan menjawab perkara ini kerana pengurusan di dalam lingkungan Kawasan Apartmen Kuarters adalah tanggungjawab mereka. Ini termasuklah memindah atau mengalihkan apa-apa halangan yang wujud. PPj bertanggungjawab bagi penjagaan kawasan awam sahaja. Jika kereta tersadai di tepi jalan atau di taman awam, maka menjadi tanggungjawab PPj untuk mengambil tindakan.

Akhbar : Berita Harian

Segmen : Sentral

M/s : 7

Tarikh : 15 Oktober 2009

Kereta tersadai membazir petak

Penduduk merungut, cacatkan pemandangan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Kereta lama yang sepatutnya berada di tapak pelupusan keluli di kawasan letak kereta blok 5A Presint 9 di sini menyakitkan mata memandang, selain menyebabkan pembaziran kepada petak letak kereta yang boleh digunakan penduduk.

Difahamkan, kenderaan berkenaan tidak lagi boleh digunakan, sesetengahnya dikelubung dengan plastik, dibiarkan di petak letak kereta kuarters itu sejak beberapa bulan lalu.

Ia menimbulkan rungutan penduduk kerana mencacatkan pemandangan selain petak parkir berkenaan sepatutnya boleh digunakan penghuni atau pelawat ke situ.

Penduduk juga mendakwa keadaan itu juga memberi imej buruk kepada kawasan kuarters kerajaan di situ dan meminta pihak berkuasa menundanya untuk diletakkan di kawasan tertentu.

Penghuni, Mohd Sabri Ismail, 40, berkata kewujudan

kereta lama itu menjadikan pandangan di kawasan letak kereta di perumahan itu menjadi semak dan buruk.

Katanya, ia sudah wujud sekian lama dan tiada sebarang tindakan oleh pihak berwajib di apartmen berkenaan.

Sebilangan penduduk mendakwa kawasan letak kereta apartmen itu menjadi kritikal berikutan jumlah kenderaan semakin bertambah berbanding ketika ia mula dibuka.

Seperti apartmen kuarters lain, penempatan ini turut mengalami masalah tempat letak kereta yang tidak mencukupi menyebabkan mereka terpaksa meletakkan kenderaan di bahu jalan.

Tinjauan Sentral mendapati ada antara tayar kereta lama terbabit sudah kempis dan sebahagiannya pula ditutupi dengan plastik.

Seorang penghuni yang enggan dikenali berkata, pemilik kenderaan lama itu perlu lebih bertanggungjawab mengalihkan kereta mereka ke tempat lain bagi membolehkan orang lain menggunakan tempat letak terbabit.



KERETA tidak digunakan ditutup dengan plastik dan ditinggalkan di apartmen.

Setelah siasatan dibuat, kawasan yang dimaksudkan adalah berhampiran dgn tempat kuda P15, dan laluan tersebut adalah di dalam kawasan di bawah penyelenggaraan pihak JKR. Pihak Berita Harian akan dimaklumkan bahawa kawasan tersebut bukan dibawah penyeliaan PPj. PPj akan memanjangkan perkara tersebut kepada pihak JKR untuk tindakan sewajarnya.

Akhbar : Berita Harian

Segmen : Sentral

M/s : 2

Tarikh : 16 Oktober 2009

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Perbelanjaan besar kerajaan menyediakan laluan motosikal di jalan raya sekitar kawasan ini bagi keselamatan penunggang sia-sia apabila kemudahan tidak digunakan, malah terbiar.

Tanpa memperdulikan keselamatan, tinjauan mendapati penunggang lebih rela bersaing dengan kenderaan lebih besar dan laju daripada menggunakan laluan motosikal yang lebih selesa.

Antara laluan terbiar ialah Persiaran Timur, Kajang-Putrajaya, Dengkil-Putrajaya dan Puchong-Putrajaya.

Beberapa penunggang motosikal yang ditemui mengakui mereka tidak mengetahui sama ada laluan motosikal berkenaan diwartakan atau sebaliknya.

Tinjauan juga mendapati ada bahagian laluan motosikal itu pula ditimbuni tanah, lampu tidak berfungsi atau tiada, sekali gus mengurangkan bahaya kepada penunggang yang mungkin menggunakannya pada waktu malam.

Sesetengah lampu dalam

Laluan sikal tak selamat

Kemudahan disediakan ditimbuni tanah, lampu tak berfungsi



SERAMPAK laluan motosikal ditimbuni tanah yang membahayakan penunggang.

terowong pula tidak bernyala, menandakan bahaya kepada pengguna, manakala ada yang dijadikan tempat berteduh daripada panas atau hujan oleh pekerja pembaikan kawasan.

Pekerja swasta, Mohd Syafiq Nordin, 18, berkata dia tahu mengenai kewujudan laluan motosikal di kawasan itu tetapi khustir untuk menggunakannya kerana sunyi disebabkan tidak digunakan orang lain.

"Itu menyebabkan saya tidak pernah menggunakannya.

"Laluan yang dibina itu juga sempit dan tidak rata. Ia bahaya kepada penunggang jika bergesel ketika memotong," katanya.

Seorang pengguna dari Puchong, Saiful Ahmad, 28, berkata sepanjang dua tahun berurusan kerja di kawasan itu, dia lebih selesa menggunakan jalan raya besar kerana cepat dan selesa.

Beliau berkata, penung-

“Saya tahu mengenai kewujudan laluan motosikal di kawasan ini tetapi khustir untuk menggunakannya kerana sunyi disebabkan tidak digunakan orang lain”

Mohd Syafiq Nordin
Pekerja swasta

gang motosikal bukan daripada kumpulan keras kepala atau enggan mematuhi undang-undang, sebaliknya keadaan itu berlaku kerana tidak ada penguatkuasaan yang dijalankan pihak berwajib di kawasan itu.

Mohd Luqman Kamarulzaman, 18, mengakui laluan motosikal itu selamat digunakan oleh penunggang kenderaan besar di laluan utama.

"Belanja besar yang dikeluarkan kerajaan untuk membina laluan motosikal akan jadi pembastiran jika keadaan ini berterusan," katanya.